



APLIKASI RAHMAT LIL ALAMIN DALAM ERA BARU MENURUT MAQASID SYARIAH

DR. NUR MOHAMMAD HADI BIN ZAHALAN
(hadialmaghribi)

Pensyarah Kanan Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Insaniah

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan mengenai pandangan *Maqasid Syariah* dalam mengetengahkan konsep *Rahmat lil Alamin* (rahmat bagi sekalian alam). Tujuan sesuatu pengsyariaan adalah untuk mendatangkan kemaslahatan dan menolak segala kemudaratan. Justeru, Islam menilai sekecil-kecil perkara hinggalah sebesar-besarnya yang melibatkan Akidah, Hukum hakam dan Akhlak. Di antara persoalann yang bermain di minda kita ialah : Adakah benar Agama Islam membawa rahmat? Adakah kerahmatan itu menepati *maqasid* pengsyariaan sesuatu? Sejauh mana kerahmatan Islam itu? Apakah halangan untuk melaksanakan kerahmatan Islam? dan Apakah punca yang menyebabkan Islam dipandang serong oleh sesetengah penganut agama lain? Bagaimanakah mengaplikasikan kerahmatan didalam kehidupan seharian? Bagi menjawab setiap persoalan ini, kertas ini akan cuba memberikan jawapan-jawapan yang jitu beserta dengan bukti-bukti yang terdapat dalam Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW.

Kata kunci: Rahmat, *Maqasid Syariah*, Islam, Al-Qur'an, Al-Sunnah.

PENGENALAN

Islam merupakan agama yang menjaga manusia dalam semua aspek kehidupan. Islam juga datang untuk membawa kemaslahatan bagi sekalian alam. Justeru, tidak timbul bahawa Islam merupakan agama hanya kepada orang-orang Arab ataupun sekumpulan manusia sahaja. Ini kerana, Islam datang untuk membawa rahmat kesejahteraan kepada semua bangsa dan agama. Ini dibuktikan dalam firman Allah SWT dalam *Surah Al-Anbiya'* ayat 107 :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk membawa rahmat bagi sekalian alam.”

DEFINISI RAHMAT DALAM ISLAM

Perkataan rahmat ini sebenarnya berasal daripada perkataan Arab iaitu (رحمة). Jika dirujuk kepada Kamus Dewan mengenai perkataan *rahmat*, maka ia didefinisikan sebagai belas kasihan, kurnia, bahagia dan hikmah.¹

Terjemahan rahmat dari sudut Bahasa Arab pula tidak jauh bezanya dengan makna dalam Bahasa Melayu. Dari sudut istilah pula ia adalah satu sifat yang menghubungkan kebaikan dan kemaslahatan kepada hamba Allah SWT. Ini

¹ *Kamus Dewan* (edisi ke 4), 2010, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1268.

kerana, sesiapa yang inginkan kebaikan maka dia akan dapatinya di dalam Agama Islam dan sesiapa yang meninggalkan Agama Islam maka dia telah membuangnya.

Sesungguhnya Sifat *al-Rahman* adalah hak milik Allah SWT dan Maha Pemurahnya Allah SWT itu, maka Allah SWT telah mengurniakan kalimah “*Rahman*” kepada hamba-hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh. Ini dibuktikan didalam *Surah Ali ‘Imran* ayat yang ke 159 yang mana Allah SWT telah mengkhabarkan kepada Baginda Rasulullah SAW bahawa dengan sebab rahmat Allah SWT Baginda Rasulullah SAW bersikap lemah lembut. Firman Allah SWT:

فَمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya:

“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila Engkau telah berazam (Sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.”

Firman Allah SWT lagi didalam *Surah al-A'raf* ayat 52 :

وَلَقَدْ جِئْنَاهُمْ بِكِتَابٍ فَصَّلْنَاهُ عَلَىٰ عِلْمٍ هُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

“Dan Sesungguhnya Kami telah datangkan kepada mereka, sebuah Kitab (Al-Quran) yang Kami telah menjelaskannya satu persatu berdasarkan pengetahuan (Kami Yang meliputi segala-galanya),

untuk menjadi hidayah petunjuk dan rahmat, bagi orang-orang yang (mahu) beriman.”

Didalam hadis Nabi SAW pula, Baginda dengan jelas menyatakan bahawa Allah SWT menurunkan rahmat ke bumi seperti mana hadis berikut:

جَعَلَ اللَّهُ الرَّحْمَةَ مِائَةَ جُزْءٍ فَأَمْسَكَ عِنْدَهُ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ جُزْءًا وَأَنْزَلَ فِي الْأَرْضِ جُزْءًا وَاحِدًا فَمِنْ ذَلِكَ الْجُزْءِ يَتَرَاخُمُ الْخَلْقُ حَتَّى تَرْفَعَ الْفَرَسُ حَافِرَهَا عَنْ وَلَدِهَا خَشِيَةً أَنْ تُصِيبَهُ¹

Maksudnya:

“Allah menjadikan rahmat (kasih sayang) seratus bahagian, maka dipeganglah di sisi-Nya sembilan puluh Sembilan bahagian dan diturunkan-Nya satu bahagian ke bumi. Dari yang satu bahagian inilah seluruh makhluk berkasih sayAng sesamanya, sehingga seekor kuda mengangkat kakinya kerana takut anaknya terpijak olehnya.”

DEFINISI MAQASID SYARIAH

Maqasid Syariah ialah tujuan sesuatu pengsyariatan sama ada dengan mendatangkan kemaslahatan ataupun menolak kemudaratan.

Imam Syatibi membahagikan tujuan *shara'* itu berdasar sesuatu hukum kepada empat bahagian :

- a) *Al-Qasd al-Ibtida'i* : bertujuan menjaga kemaslahatan dan kebaikan kepada umat dan ia merupakan tujuan asal dalam semua pensyariatan hukum hakam dan pelaksanaan syariat.
- b) *Al-Qasd al-Ifhami*: bertujuan bahawa semua syariat yang diturunkan adalah untuk difahami.
- c) *Al-Qasd al-Taklifi*: bertujuan bahawa semua amanat dan bebanan *syara'* mampu untuk dipikul.
- d) *Al-Qasd al-Ta'abbudi*: bertujuan untuk manusia bernaung dibawah syariat dan bukan dengan mengikut kehendak hawa nafsu semata-mata.

Syariat menurut metodologi ilmu Islam bererti apa sahaja yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk para hamba-Nya dalam sudut akidah, ibadah, akhlak, mua'malat dan apa sahaja tata hidup didunia ini. Namun begitu, pada pandangan

¹Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar Tawq al-Najah, Jld. 8, hlm 8.

Imam al-Syatibi: Allah mencipta syariat dengan tujuan untuk merealisasikan maqasidnya untuk sekalian manusia iaitu untuk memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada mereka dan mengelakkan kerosakan atau keburukan (*mafsadah*) daripada menimpa mereka sama ada di dunia dan juga di akhirat.¹ *Maqasid Syariah* tidak tertumpu kepada elemen syariah sahaja tetapi ia juga tertumpu kepada akidah dan akhlak. Dibawah ini adalah pembahagian kemaslahatan secara ringkas yang perlu diraikan:

1. *Al-Daruriyyat* (الضروريات) iaitu keperluan asasi/mesti iaitu: Perkara yang sangat penting dalam kehidupan dan ia tidak dapat ditinggalkan dalam kehidupan keagamaan dan keduniaan manusia. Dalam erti kata lain, jika ia tidak ada maka kehidupan manusia di dunia ini akan menjadi rosak dan binassa. Para *ulama'* membahagikan ia kepada 5 bahagian :
 - Menjaga agama
 - Menjaga diri (nyawa)
 - Menjaga akal
 - Menjaga keturunan
 - Menjaga harta.

Allah SWT telah menyatakan tentang kepentingan menjaga kemaslahatan *al-Daruriyyat* ini dalam firman-Nya di dalam *Surah Al-Mumtahanah* ayat yang ke 12 :

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ
وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِيَنَّ فِي مَعْرُوفٍ
فَبَايِعْهُنَّ وَاسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya:

“Wahai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahwa mereka tiada akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan mendurhakaimu dalam urusan yang baik. Maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah ampunan kepada Allah untuk

¹Al-Syatibi , *Al-Muwafaqat*, (2005),Tahqiq Abdullah Daraz, Mesir: Darul Hadith, Jld. 2, hlm 261-262.

mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

2. *Al-Hajiyyat* (**الحاجيات**) keperluan tidak mesti iaitu: Apa yang diperlukan oleh manusia daripada sudut kelapangan dan mengangkat kesempitan ataupun kesulitan dalam kehidupan mereka.

Ia berbeza dengan yang pertama kerana jika *al-Hajiyyat* ini tidak dapat dilaksanakan maka ia tidak sampai ketahap membinasakan manusia. Adapun kesan daripada meninggalkannya maka seseorang itu akan mendapat kesulitan sahaja dan kepayahan dalam melaksanakan perintah Allah SWT.

Tanpanya ia tidak menjejaskan lima perkara yang wajib dijaga tadi. Sementara Imam Syatibi menyatakan sekiranya tidak dilaksanakan *masalahah* ini akan menyebabkan sedikit bebanan dan kepayahan namun tidak membawa kepada kerosakan kepada lima perkara tersebut.

3. *Al-Tahsiniyyat* (**التحسينيات**) penghias atau tambahan: Imam Ghazali mengatakan: Iaitu sesuatu yang tidak kembali kepada perkara *daruriyat* dan *hajiyyat* akan tetapi ia sebagai pengelok ataupun penghias dalam sesuatu perkara.¹

Perkara *tahsiniyyat* adalah perkara yang membawa kepada kesempurnaan hidup. Jika seseorang itu tidak menjaganya, maka ia juga akan memberi kesan kepadanya tetapi tidak sampai binassa ataupun kepayahan.

KERAHMATAN DALAM ISLAM

Terdapat banyak bukti yang menunjukkan Islam adalah agama yang membawa rahmat dan kesejahteraan kepada semua. Jika kita menyelami satu persatu di dalam Al-Qur'an dan hadis-hadis Baginda Rasulullah SAW, maka kita akan dapati kerahmatan Islam terhadap manusia, binatang dan sekalian alam.

1. Rahmat Allah SWT kepada manusia:

Allah tidak akan membebankan sesuatu perkara melainkan manusia itu mampu untuk melakukannya. Ini bersandarkan pada firman Allah SWT di dalam *Surah At-Tolaq* ayat yang ke 7:

¹Abu Hamid, Muhammad bin Ghazali(1995), *Al-Mustasfa*, (1995), Beirut: Darul Kutub, hlm 290.

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا سَيِّجَعُلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksudnya :

“Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”

Ramai hari ini yang beranggapan bahawa Islam itu sesuatu yang membebaskan dan menyusahkan. Ini kerana, Islam datang dengan membawa peraturan-peraturan yang menyusun atur kehidupan mereka dan Allah SWT Maha Mengetahui mengenai keperluan manusia. Firman Allah SWT dalam *Surah Al-Baqarah* ayat yang ke 216 :

وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

“Dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang Mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.”

2. Rahmat Allah kepada binatang.

Allah SWT yang Maha Adil lagi Maha Bijaksana tidak akan sesekali menzalimi sesuatu pun. Maka Rahmat Allah SWT meliputi semua benda seperti firman Allah SWT dalam *Surah Al-A'raf* ayat yang ke 156:

وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ

Maksudnya:

“Dan rahmat-Ku meliputi tiap-tiap sesuatu.”

Islam mengajarkan kepada penganutnya supaya berbelas kasihan kepada haiwan sehingga haiwan yang mahu dikorbankan untuk dijadikan makanan. Sabda Baginda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ فَلْيُرِحْ ذَبِيحَتَهُ¹

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah telah mewajibkan supaya selalu bersikap baik terhadap setiap sesuatu, jika kamu membunuh maka bunuhlah dengan cara yang baik, jika kamu menyembelih maka sembelihlah dengan cara yang baik, tajamkan pisaumu dan senangkanlah haiwan sembelihanmu.”

Tidak ada lagi di dalam mana-mana agama yang memesan kepada penganutnya supaya berbuat baik pada sesuatu walaupun sesuatu itu akan mati melainkan Agama Islam yang membawa rahmat kepada seluruh alam.

MENGAPLIKASIKAN KERAHMATAN PADA PANDANGAN MAQASID SYARIAH

Apabila membicarakan mengenai rahmat, maka kita tidak boleh mensalah tafsirkan akan kerahmatan Islam dengan mengikut hawa nafsu kita semata-mata. Dan ini tentulah bertentangan dengan semangat sesuatu pengsyariaatan itu sendiri iaitu dengan mendatangkan kemaslahatan dan mengelakan kemudaratan. Hal ini banyak berlaku iaitu kita melihat sesuatu hukum kemudian tanpa kefahaman yang jelas, maka kita meletakkan ia pada tempat yang salah. Ia akan memberikan kesan yang negatif.

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW telah menegur Mu'az yang memanjangkan bacaan di dalam solat dengan membaca pada rakaat pertama Surah Al-Baqarah dan raka'at kedua Surah Ali 'Imran. Maka sabda Baginda Rasulullah SAW kepada Mu'az :

يَا مُعَاذُ لَا تَكُنْ فِتَانًا فَإِنَّهُ يُصَلِّي وَرَاءَكَ الْكَبِيرُ وَالضَّعِيفُ وَذُو الْحَاجَةِ وَالْمُسَافِرُ²

¹Muslim bin Al-Hajjaj al-Naisaburi, *Sahih Muslim*, (2006). Riyadh: Dar Tibah. Jld. 3 hlm. 1548.

²Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Jld. 1, hlm 142.

Maksudnya:

“Wahai Mu’az, janganlah kamu menjadi penyebar fitnah, kerana yang mengerjakan solat dibelakangmu terdapat orang tua, orang yang lemah, orang yang memiliki keperluan dan musafir.”

Hadis ini dengan jelas menyatakan supaya kita bersederhana dalam melakukan sesuatu perkara walaupun ia adalah tuntutan agama. Kerana itu konsep rahmat tidak akan tercapai apabila kita tidak mengabungkannya dengan konsep kesederhanaan. Konsep kesederhanaan merupakan satu tuntutan Allah SWT kepada umat Muhammad SAW seperti firman Allah SWT dalam *Surah Al-Baqarah* ayat 143:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ

Maksudnya:

“Dan Demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah).”

Dr. Yusuf Al-Qardawi didalam penulisannya¹ membahagikan kepada tiga jenis pemikiran yang ada pada setiap masa. Kita akan melihat satu persatu pemikiran yang wujud disekeliling kita. Ini kerana terdapat pemikiran yang tidak bertepatan dengan ruh syariah itu sendiri seperti mana kata Imam As-Shatibi : *Maqasid* itu adalah ruh bagi setiap amalan². Ia menunjukan kepada kita bahawa ilmu fiqh yang tidak ada *maqasid* maka fiqh itu tidak ada ruh, seorang *faqih* yang tidak mengetahui *maqasid* maka dia adalah *faqih* yang tidak ada ruh.

Kata Dr. Yusuf Al-Qardawi tiga aliran pemikiran itu adalah:

¹Al-Qardawi, Dr. Yusuf, *Al-Siyasah al-Shari'ah fi Daw'i al-Nusus al-Shari'ah wa Maqasiduha*, cet. 1, (1422H.), Beirut: Mu'assasah al-Risalah, hlm. 228.

²Al-Shatibi, *Al-Muwafaqat*, (2005), Tahqiq Abdullah Daraz, Mesir: Dar al-Hadith, Jld. 2, hlm. 344.

1. Pemikiran yang melihat kepada *nass-nass* cabang dan memahaminya dengan kefahaman yang ada (terus kepada makna sahaja) tanpa melihat kepada *Maqasid* sesuatu yang disyari'atkan. Mereka dinamakan pada waktu dahulu dengan *Al-Zahiriyyah*. Pemikiran sebegini masih lagi wujud yang mana mereka mengingkari *Ta'lim Al-Ahkam* (member alasan kepada sesuatu hukum). Mereka juga *jumud* terhadap *nass-nass* yang ada sehingga mereka tidak dapat memahami apakah yang dimaksudkan di dalam sesuatu hukum *shara'* itu sendiri. Jika sesuatu hukum hakam itu dilihat dalam keadaan *jumud*, maka ruh pengsyariatan tidak dapat kita rasai. Saya akan jelaskan secara terperinci kaedah-kaedah yang boleh diambil untuk merealisasikan kerahmatan di dalam Islam pada tajuk dibawah iaitu **contoh kerahmatan dalam kebebasan pada masa kini mengikut kemaslahatan pada pandangan *Maqasid Shariah*.**

Diantara pandangan mereka ialah melarang wanita untuk berkerja. Mereka mengambil secara umum dengan mengatakan bahawa isteri-isteri Baginda Rasulullah SAW tidak memerlukan kepada kerja di luar rumah. Allah SWT berfirman didalam *Surah Al-Ahzab* ayat yang ke 32:

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِنَ النِّسَاءِ

Maksudnya:

“Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain.”

Mereka juga mengatakan bahawa sistem pilihanraya yang diamalkan sekarang ini tidak mengikut seperti yang dianjurkan oleh Allah SWT iaitu dengan melakukan *shura* dan mereka mengatakan bahawa ini adalah *bid'ah* seperti kata baginda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Sesiapa yang membuat perkara baru dalam urusan kami (Islam) dan ia pada asalnya tiada, maka ianya ditolak.”*¹

Mereka juga mengambil sesuatu didalam *ibadah* dengan yang paling payah seperti menolak untuk mengeluarkan zakat dengan duit akan tetapi perlulah mengeluarkan zakat dengan *nass* (matabenda) yang telah ditetapkan oleh Baginda Rasulullah SAW.

¹Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Jld.3. hlm.69.

Di antara pandangan mereka juga ialah dengan menolak pembaharuan pandangan dalam agama, berjihad didalam hukum fiqah dan membuat perubahan dalam cara-cara berdakwah. Mereka melihat bahawa kita kena kekalkan kehidupan seperti zaman *salaf al-soleh* yang terdahulu.

Akan tetapi mereka bersetuju bahawa zaman sekarang tidak sama seperti zaman *salaf al-soleh* dengan perubahan-perubahan yang berlaku dan memerlukan kepada kepelbagaian pandangan. Ini adalah satu kepelikan pemikiran yang berlaku kepada mereka.

Mereka tidak mengenal bahawa fiqah itu adalah sesuatu yang hidup dan bergerak dari satu masa ke satu masa yang lain mengikut keadaan dan kesesuaian. Ia dinamakan didalam bahasa Arab dengan (*فقه الفقه*)¹ iaitu fiqah didalam fiqah ataupun kefahaman fiqah. Contohnya, jika kita belajar fiqah maka kita akan mengetahui sesuatu itu hukumnya halal atau haram akan tetapi jika kita memahami fiqah didalam fiqah ini kita akan mengetahui kenapa ia diharamkan ataupun kenapa ia dihalaikan.

2. Pemikiran yang kedua pula ialah pemikiran yang bertentangan dengan yang di atas iaitu mereka mengatakan semuanya adalah *Maqasid Syariah* dengan membatalkan *nass-nass* cabang di dalam Al-Qur'an dan Sunnah yang *sahih*. Mereka mengatakan bahawa agama itu adalah mutiaranya dan bukan pada bentuknya. Mereka juga berhujjah bahawa sesungguhnya Umar Al-Khattab telah membatalkan *nass-nass* Al-Qur'an dan Sunnah kerana ia bercanggah dengan kemaslahatan (*Wa nau'zu Billah*) atas tuduhan mereka kepada para sahabat yang sentiasa mengikut Al-Qur'an dan Sunnah Baginda Rasulullah SAW.

Mereka ini mengikut hawa nafsu dan membatalkan segala yang didatangkan oleh syara' kepada kita. Mereka juga mengambil apa yang mereka mahu di dalam Al-Qur'an dan Sunnah mengikut apa yang mereka mahu dan meninggalkan apa yang mereka rasa tidak mahu. Perbuatan mereka ini ditegah dengan firman Allah SWT didalam *Surah Al-Baqarah* ayat 85:

¹Ia telah dinamakan oleh Imam Al-Zarkashi didalam kitabnya *Al-Bahr Al-Muhit fi Usul al-Fiqah* (2000), Tahqiq Dr. Muhammad Muhammad Tamar, Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah, Jld. 4,hlm. 521.

أَفْتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

“Patutkah kamu hanya percaya kepada sebahagian (dari isi) Kitab dan mengingkari akan sebahagian yang lain? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian itu dari antara kamu, selain dari kehinaan ketika hidup di dunia, dan pada hari kiamat akan ditolak mereka ke dalam azab seksa yang amat berat. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan.”

Mereka ini sebenarnya jahil terhadap Syariat Islam iaitu mereka tidak mengetahui mengenai Al-Qur'an terhadap ilmunya, pembacaannya, tadabburnya serta kefahamannya. Kita akan melihat mereka ini yang sanggup menentang rukun-rukun Islam dengan mengatakan bahawa itu adalah kemaslahatan yang perlu kita raikan.

Pandangan kedua ini mengatakan bahawa, agama Allah SWT itu mudah dan senang serta tidak menyusahkan. Oleh sebab itu, mereka dengan senang membatalkan segala hukum-hukum Allah SWT dan menggunakan akal mereka tanpa ada dalil untuk meletakkan sesuatu hukum.

Mereka mengatakan bahawa Umar-Al-Khatib telah memberhentikan hukum *hudud* pada waktu berlakunya musim kemarau (عام الرمادة) dengan membelakangkan perintah Allah SWT yang meminta melaksanakan hukum potong tangan ke atas mereka yang mencuri.

Hakikatnya mereka tidak mengetahui bahawa Umar tidak membelakangkan *nass* yang tetap, akan tetapi Umar berpebdapt bahawa hukum tidak boleh berlaku jika terdapat perkara yang meragukan (*syubhah*). Didalam hadis Baginda Rasulullah SAW bersbda maksudnya:

“Hindarkanlah hukuman hadd dari kaum muslimin semampu kalian, jika ia mempunyai jalan keluar bagi seorang muslim, maka pilihlah jalan itu. Kerana sesungguhnya seorang pemimpin yang salah dalam memberi kemaafaan itu lebih

baik daripada pemimpin yang salah dalam menjatuhkan hukuman.”¹

Hadis ini walaupun sanadnya lemah tetapi kata para *ulama* maknanya adalah benar. Sebab itu Umar memberhentikan hukuman kerana waktu itu adalah waktu yang memerlukan kepada makanan yang teramat sangat.

3. Pemikiran yang terakhir adalah pemikiran yang berteraskan kesederhanaan iaitu '*wasatiyyah*' yang mana tidak akan memadam *nass-nass* cabang sama ada daripada Al-Qur'an ataupun Sunnah dan tidak meninggalkan kefahaman yang mendalam pada setiap *nass* dengan kefahaman melalui *Maqasid Syariah*.

Pandangan ini tidak ke arah memberatkan dan juga tidak meringankan. Pandangan ini juga mencari hikmah disebalik sesuatu hukum kerana diantara sifat Allah SWT adalah *al-Hakim*. Maka *al-Hakim* tidak akan mensyariatkan sesuatu yang sia-sia dan tidak juga tidak mendatangkan sesuatu perkara yang batil. Firman Allah SWT didalam Surah Al-Mukminun ayat 115:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

Maksudnya:

“Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada kami.”

Kerana itulah, apabila sesuatu hukum itu kita mencari hikmahnya dan tujuannya maka kita dapat melaksanakan kerahmatan didalam kehidupan seperti kata Imam Ibn Qayyim:

“Sesungguhnya Syariat itu asasnya dibina atas kemaslahatan hamba didunia dan diakhirat, Ia adalah adil semuanya, rahmat semuanya, hikmah semuanya dan kemaslahatan kesemuanya”¹

¹ Muhammad bin Isa, al-Tarmidhi. *Sunan Tarmidhi*, (1998), Beirut: Darul Al-Gharb Islami, Jld.5, hlm. 322.

Ini dapat dibuktikan dengan firman Allah didalam *Surah al-Mulk* ayat 14:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

Maksudnya:

“Tidakkah Allah Yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? sedang ia Maha Halus urusan PentadbiranNya, lagi Maha mendalam PengetahuanNya.”

Allah maha mengetahui lebih dari mereka, dan lebih baik dari mereka atas diri mereka sendiri, lebih merahmatidari ayah dan ibu mereka sendiri.

KESIMPULAN

Islam merupakan umat yang terbaik dan yang terpilih seperti didalam firman Allah didalam *Surah Al-Baqarah* ayat 143:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Maksudnya:

“Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.”

Ummatan wasatah bukan bereti umat yang mundur, yang meninggalkan dunia seluruhnya, yang hanya melihat kepada dunia akhirat tanpa mengusahakan peluang yang diberikan Allah SWT kepada manusia ini, ataupun umat yang tidak mengamalkan kebebasan dalam kehidupan.

Jika kita perhatikan, didalam hukum-hukum Islam tidak ada pun satu paksaan jika seseorang itu tidak dapat melaksanakan seperti mana yang dituntut. Ini merupakan kebebasan yang Allah berikan kepada seseorang hamba mengikut kemampuan dirinya seperti firman Allah didalam *Surah Al-Baqarah* ayat yang ke 233:

¹Muhammad bin Abi Bakar (Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lam Al-Muwaqi'in*, Beirut: Darul Ibn Jawziyyah, Jld. 3, hlm. 14-15.

لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya:

“Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar keupayaannya.”

Maka Syariah Islam sering dikatakan lebih anjal dan fleksibel sehingga menjadi hujjah untuk mengatakan bahwa sememangnya Islam sejak dahulu lagi menganjurkan sifat kerahmatan dan memahami *Maqasid Syariah* adalah satu tanggungjawab bersama untuk mengetahui tujuan daripada pengsyariatan itu sendiri.

RUJUKAN:

1. Abu Hamid, Muhammad bin Ghazali, (1995), *Al-Mustasfa fi Ilm Usul Fiqh*, Darul Kutub, Bairut,
2. Al-Naysaburi, Muslim bin Al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, (2006). Riyadh, Dar Taibah.
3. Al-Qardawi, Dr. Yusuf, *al-Siyasah al-Shar’iyyah Fi Daw’i Nusus Al-Syari’ah wa Maqasiduha*, cet. 1, (1422H.), Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
4. Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa al-Lukhami, *al-Muwafaqat*, (2005) Tahqiq Abdullah Daraz, Mesir: Darul Hadith.
5. At-Tarmidhi, Muhammad bin Isa, *Sunan Tarmidhi*, (1998), Beirut: Darul Al-Gharb Islami.
6. Al-Zarkashi, Badruddin Muhammad bin Bahadir, *Al-Bahr Al-Muhit Fi Usul Fiqh*, (2000), Tahqiq Dr. Muhammad Muhammad Tamar, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
7. Ibn Qayyim Al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakar, Muhaqqaq Toha Abdul Rauf Saad, *I’lam Al-Muwaqi’in*, Beirut: Darul Ibn Jauziyyah.
8. Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *Sahih al-Bukhari*, Mesir: Dar Tawqu al-Najah.
9. *Kamus Dewan*, edisi ke 4, (2010), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.